



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR
70000 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Telefon : 06-7686800
Faks : 06-7619027
LamanWeb: <https://negerisembilan.anm.gov.my/>

Ruj. Kami: ANM.NS.100-1/5/3 JLD.2(12)

Tarikh: **10** Februari 2025

**Semua Ketua Jabatan
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN BIL. 2 TAHUN 2025: PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) AIDILFITRI 2025 KERAJAAN NEGERI SEMBILAN KEPADA SEMUA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN YANG BERKHIDMAT DI NEGERI SEMBILAN.

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas. Surat daripada Pejabat Kewangan Negeri Sembilan, rujukan PKwNS.400-2/1/3-18 (2025)(7) bertarikh 24 Januari 2025 serta surat rujukan SUKNS.(S)100-1/7/1 Jld. 2(24) bertarikh 17 Januari 2025

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan Negeri Sembilan telah mengumumkan pemberian BKK Aidilfitri Tahun 2025 secara one-off berjumlah RM200 kepada pegawai yang layak dan akan dibayar bersekali dengan gaji bulan Februari 2025.
3. Sehubungan dengan itu, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat dengan pembayaran gaji melalui Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Sembilan adalah dipohon untuk mengambil tindakan seperti di **LAMPIRAN A**.
4. Perhatian daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Unit Gaji JANMNS di talian 06-7686800 sambungan 6897/6821.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(ROSNANI BINTI MOHAMAD @ AHMAD C.A (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

Excellent Accounting @ Your Service



Maklumat Umum

PTJ perlu menyediakan **Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8)** dan direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

BKK ini **dikenakan cukai** dan tidak dicarum ke Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

Kaedah Pembayaran

Pemberian BKK Aidilfitri 2025 akan dibuat melalui kaedah:

i. Bayaran melalui Sistem Emolumen Berkomputer

Bayaran akan dibuat bersekali dengan gaji bulan Februari 2025 berdasarkan senarai nama penerima yang telah disahkan oleh PTJ.

ii. Bayaran Melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E)

Bayaran akan dibuat berdasarkan senarai nama penerima yang telah disahkan oleh PTJ tetapi tidak sempat diproses melalui sistem HCM.

PTJ perlu menyediakan Arahan Pembayaran (Kew.330E):

1. Jenis dokumen : **Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (K6)**
2. Contoh transaksi K6 :

KOD DIPERTANGGUNG							KOD MEMBAYAR		
	PP	PTJ	Vot/Dana	Kod Akaun	RM (Dt)	RM (Kt)	PP	PTJ	Bus A
Dt	B6	27021201	E302	L1312969	xxx		D3*	41540101*	1005
Kt	B7	Sub T	G000	Bank AO		xxx	B7	Sub T	1005

**berdasarkan kod Pejabat Perakaunan dan PTJ masing-masing*

3. Tempoh tindakan (sehingga Peraku 2): **21.02.2025 sehingga 24.02.2025**

Pembayaran kepada Pegawai yang Tercicir

PTJ perlu mengemukakan maklumat pegawai yang tercacir kepada JANM NS **selewat-lewatnya 10 Mac 2025** bagi tujuan mendapatkan kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri Sembilan.

Tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Kerajaan Negeri Sembilan, tatacara pembayaran adalah seperti kaedah **Bayaran Melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E)**.

Pembayaran kepada Pegawai yang Tidak Layak

Sekiranya pembayaran dibuat kepada pegawai yang tidak layak, PTJ bertanggungjawab untuk melaksanakan kutipan balik daripada pegawai.

PTJ mengeluarkan resit rasmi jenis biasa dan diperakaunkan di bawah kod Akaun Penyelesaian Bayaran Imbuan Tahunan Kakitangan Awam L1312969 atau Akaun Penyelesaian Bayaran Imbuan Tahunan Pasukan Keselamatan L1312992 (mana yang berkaitan) dan kod dana E302.

KOD DIPERTANGGUNG							KOD MEMBAYAR		
	PP	PTJ	Vot/Dana	Kod Akaun	RM (Dt)	RM (Kt)	PP	PTJ	Bus A
Dt	B7	Sub T	G000	Bank AO	xxx		B7	Sub T	1005
Kt	B6	27021201	E302	L1312969		xxx	D3*	41540101*	1005

**berdasarkan kod Pejabat Perakaunan dan PTJ masing-masing*

PTJ diminta untuk mengemukakan sesalinan Resit Rasmi dan Penyata Pemungut kepada Unit Akaun dan Unit Gaji JANM NS bagi tujuan penyelarasan di peringkat JANM NS.